

Dasar-dasar

Adat Perpatah

OLEH. ABDUL RAHMAN BIN HJ. MOHAMMAD

# **dasar-dasar adat perpateh**

**untuk anak2-ku:**

- *zarina*
- *zarida*
- *zariati*
- *zaziani*

# DASAR-DASAR ADAT PERPATEH

oleh

Abdul Rahman bin Hj. Mohammad



1964

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA  
KUALA LUMPUR.

## BAB XII

### KEPERIBADIAN SA-ORANG PEMIMPIN

Sa-tiap Buapak, sa-tiap Lembaga, sa-tiap Penghulu adalah di-pileh dan di-lantek menurut kemahuan yang ramai. Mereka "yang di-lantek" itu pula ada-lah sentiasa "boleh di-pechat" pada bila2 masa sahaja. Demikian-lah adil dan demokratik-nya Adat Perpateh itu.

Pemimpin itu hendak-lah sentiasa memelihara kaum dan anak-buah-nya dengan adil dan dengan segala kebijaksanaan.

Sa-orang pemimpin itu ada-lah di-ibaratkan seperti:—

"Ayer yang jerneh,  
tempurong yang cheper,  
Saperti pohon di-tengah padang,  
urat-nya tempat bersela,  
batang-nya tempat bersandar,  
dahan-nya tempat bergantong,  
buah-nya untok di-makan,  
daun-nya untok berlindong".

Pemimpin itu hendak-lah menjalankan kekuasaan yang di-berikan kepada-nya itu dengan chara dan dengan tujuan untok:—

“Menghilangkan yang buruk,  
menimbulkan yang baik”.

Sa-terusnya Pemimpin itu hendak-lah merupakan sa-orang yang arif bijaksana dan berbudi bahasa yang baik, kerana ia mesti-lah di-ibaratkan sa-bagai:—

“Lubok akal,  
lautan budi”.

Tatkala menyelesaikan sa-suatu mas’alah, Pemimpin itu hendak-lah sentiasa mengingatkan petua bahawa:—

“Tidak ada kusut yang tidak boleh  
di-selesaikan,

“Tidak ada keroh yang tidak dapat  
di-jernehkan”.

Tegas-nya semua mas’alah dapat di-selesaikan, segala perselisihan dapat di-damaikan.

Dan sa-perkara yang penting, tatkala menyelesaikan sa-suatu mas’alah, sa-tiap Pemimpin itu harus-lah sentiasa berhati-hati terhadap perasaan orang2 yang terlibat dalam mas’alah itu, supaya:—

“Tepong jangan terserak,  
rambut jangan putus”.

Kalau Pemimpin itu memberikan pengadilan-nya dengan adil dan bijaksana tentu-nya tiada pehak yang akan berasa kecil hati atau berasa tiada puas hati.

\* Dalam soal ini kita mesti-lah mengingat bahawa sa-tiap mas’alah itu mesti di-sebabkan oleh dua belah pehak sa-kurang-kurang-nya dan kedua belah pehak itu sudah tentu termasuk dalam kaum sendiri, Suku sendiri dan bangsa sendiri.

Tatkala memberikan pengadilan-nya itu si-Pemimpin itu hendak-lah sentiasa mengawasi supaya keputusan-nya kelak tiada mengakibatkan Kaum itu berserak (berpecah belah) dan memutuskan tali persaudaraan mereka antara satu dengan yang lain.

Maka itu, tatkala memberikan pengadilan-nya sa-sa-orang Datok atau Pemimpin itu jangan-lah hendak-nya berlaku churang dan berat sa-belah; dan jangan-lah apabila "Tiba di-perut di-kempiskan, tiba di-mata di-pichingkan, tiba di-dada di-busongkan".

Memang menjadi sa-orang Ketua dan Pemimpin itu bukan sa-perkara yang mudah. Di-samping menjalankan tugas-nya dengan adil dan saksama, di-samping memimpin dan melindungi Anak-buah dan Kaum-nya, maka dia pun kadang2 di-jadikan sasaran segala umpat keji dan sa-umpama-nya. Oleh kerana itu sa-tiap Pemimpin hendak-lah sentiasa sedar bahawa memang-lah si-Pemimpin itu biasa mendapat umpat dan keji:—

"Ka-kanan jalan ka-Kurai,  
satu simpang ka-Empat Angkat,  
kalau benar Penghulu bagaikan lantai,  
kalau berpijak jangan menjungkit,  
telok biasa timbunan kapal,  
lurah biasa timbunan ayer,  
bukit biasa timbunan kabut,  
Pemimpin biasa mendapat umpat".

Sa-orang Pemimpin yang arif bijaksana hendak-lah sentiasa tiada menghiraukan segala umpat keji itu. Malah dia hendak-lah sentiasa menganggap segala tegoran dan umpat keji itu sa-bagai untok kebaikan juga ada-nya.

Anggap-lah semua-nya itu sa-bagai penawar:—

"Gunting dari Empat Angkat,  
di-bawa oleh orang Mandiangin,  
di-pinjam orang ka-Biara,  
kalau datang persoalan dan umpat,  
anggap-lah sa-bagai penawar,  
demikian-lah pemimpin yang sa-benar-nya".

Demikian-lah keperibadian sa-orang Pemimpin saperti di-kehendakki oleh Adat Perpateh.

Sa-orang Pemimpin itu boleh di-ibaratkan juga seperti sa-orang gembala yang sentiasa memelihara baik ternakan yang di-gembalakan-nya.

Sa-orang Pemimpin itu boleh di-ibaratkan juga sa-bagai pagar yang di-tujukan untuk menjaga supaya binatang2 jangan memakan padi, dan bukan-lah untuk "Memakan padi".

**Beberapa Soalan:**

- (1) Apa-kah yang di-maksudkan "Lubok akal, lautan budi" itu?
  - (2) Terangkan pula maksud "Tepong jangan terserak, rambut jangan putus".
  - (3) Bagaimana-kah sa-harus-nya sa-orang Pemimpin itu menyambut segala umpat keji itu?
  - (4) Bagaimana bunyi-nya perbilangan Adat yang mengatakan bahawa semua mas'alah itu boleh di-selesaikan dan segala perselisihan dapat di-damaikan.
  - (5) Sa-orang Pemimpin itu boleh di-ibaratkan sa-bagai apa?
-

## PENUTUP

Penyusun ingin mengingatkan bahawa buku ini hanya mencheritakan "Adat Perpateh" itu pada dasar-nya sahaja, kerana perbedaan2 kecil-kecilan di-sana sini tetap didapati dari "Adat Perpateh" yang di-pakai di-Naning dengan yang di-pakai dalam Luak2 Negeri Sembilan dan juga di-Minangkabau; seperti di-katakan oleh pepatah: "Lain padang lain belalang, lain lubok lain ikan". Akan tetapi pada dasar-nya belalang itu belalang juga dan ikan itu ikan juga; dan demikian juga pada dasar-nya "Adat Perpateh" itu ada-lah sama belaka keadaan-nya di-tiap-tiap Luak dan Negeri tersebut.

Berhubong dengan Bab Kesabelas, penyusun meminta ma'af kerana tiada dapat menghurai, membinchang dan mencheritakan kesah "Raja Tiada Bernegeri" itu dengan sa-penoh-nya, kerana ia-nya sa-benar-nya merupakan sejarah Negeri Sembilan, yang sudah tentu akan lebeh sesuai dibinchang dan di-huraikan dalam sa-buah buku sejarah puja.

Di-sini juga penyusun ingin menyatakan bahawa susunan dan kekuasaan pemerentahan seperti telah di-cheritakan itu ada-lah yang telah betul2 di-jalankan di-waktu para pengikut "Adat Perpateh" itu telah memerentah negeri2 mereka sendiri.

Kita semua tentu ma'alum bahawa sejak orang2 Minangkabau, Naning dan Negeri Sembilan di-perentah oleh Kuasa2 Penjajah (Belanda dan Inggeris), kuasa2 "Undang", "Lembaga" dan "Buapak" itu sudah banyak di-rampas dan di-perkechilkan.

Hari ini mereka itu hanya mempunyai kuasa menguruskan perkara2 kecil sahaja.

Kita juga terlebeh ma'alum bahawa "Adat Perpateh" itu merupakan Falsafah Hidup satu bangsa "Petani".

Maka sama ada Falsafah Hidup itu sesuai atau tidak untuk satu masharakat yang hidup "Dalam zaman Perindustrian"—saperti zaman yang kita tempoh sekarang—tiada lah penyusun bermaksud membincangkan-nya pula.